

Jabatan Kastam diminta wujudkan 1,200 jawatan kumpulan sokongan

UM 27 JAN 2002

Oleh FARIDAH HASHIM

KUALA LUMPUR 26 Jan. — Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diminta supaya mewujudkan kira-kira 1,200 jawatan baru kumpulan sokongan bagi membolehkan agensi itu memantapkan lagi aspek pengurusan dan pentadbiran kutipan cukai.

Setiausaha Agung Kesatuan Pegawai-Pegawai Kastam Semenanjung Malaysia, Abdul Rahman Manan berkata, pihaknya yakin jabatan berkenaan akan memberi pertimbangan wajar untuk menyusun semula skim perkhidmatan dan struktur organisasi agensi berkenaan.

“Kesatuan ini sebenarnya telah mengemukakan memorandum berkaitan sebelum ini membabitkan semua peringkat.

“Oleh kerana JKDM telah memperkenalkan pakaian seragam

dan logo serta nama iaitu sebagai Jabatan Kastam Diraja Malaysia bermula semalam, adalah wajar penyusunan semula struktur organisasi diberi perhatian,” kata beliau ketika dihubungi hari ini.

Di bawah cadangan mewujudkan 1,100 jawatan baru itu, kata Abdul Rahman, sebanyak 1,000 jawatan melibatkan kedudukan pegawai kastam kanan manakala kira-kira 100 adalah jawatan pegawai kastam tinggi.

Kata beliau, kesatuan itu berharap JKDM akan melaksanakan kaedah nisbah jawatan seorang pegawai kastam kanan bagi setiap lima pegawai kastam.

Kini ada 5,000 pegawai kastam di JKDM, kata beliau.

“Dengan penyusunan ini, kumpulan sokongan sebagai petugas barisan hadapan akan meningkat, sekali gus membantu matlamat jabatan itu mencapai matlamat kutipan cukai.

“Kesatuan juga menyokong penyusunan semula struktur pegawai pertengahan dan tertinggi yang terdiri daripada penolong kanan pengarah kastam (W2) dan pengarah kastam (W1 dan JUSA C), dan kenaikan taraf bahagian operasi, pengurusan dan pencegahan daripada JUSA C kepada JUSA B,” katanya.

Mengenai jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa JKDM tidak akan diswastakan, beliau memberitahu, ia membayangkan keyakinan kerajaan terhadap kepercayaan para pegawai dan kakitangan dalam menguruskan pelbagai pungutan hasil.

Pungutan dalam bentuk cukai kastam, cukai jualan, cukai perkhidmatan, duti eksais dan sebagainya mendatangkan hasil kedua terbanyak bagi negara ini, katanya.